

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIM PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI  
DI UPACARA PERASMIAN PROJEK ANAK ANGKAT  
INTEGRASI KEBANGSAAN 4/85  
DI BANGUNAN PARLIMEN  
PADA ITARI RABU, 13HB. NOVEMBER, 1985  
PUKUL 4.00 PETANG

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Pengerusi Majlis;

Yang Berhormat Dato Rais Yatim;

Dato-Dato/Datin-Datin;

Pelajar-pelajar sekalian;

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan izinNya, dapat saya hadir di majlis yang mulia ini. Terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Rais dan Jawatankuasanya kerana memberi peluang kepada saya untuk merasmikan projek anak angkat integrasi ini.

2. Saya dimaklumkan bahawa projek hari ini merupakan projek keempat yang dikelolakan oleh pegawai-pegawai Majlis Keselamatan Negara dalam tahun ini, yang memberi tumpuan kepada golongan pelajar dari Sabah dan Sarawak yang sedang menuntut di Semenanjung.

3. Pada hemat saya, perhatian terhadap kumpulan pelajar bagi menanamkan semangat persahabatan dan persefahaman

sangatlah wajar dalam usaha memupuk integrasi nasional. Sebagaimana Dato Rais sebutkan tadi, pelajar-pelajar merupakan kumpulan muda yang mempunyai sifat-sifat semulaiadi yang baik bagi menanamkan semangat perpaduan. Sifat-sifat yang baik seperti suka berkawan dan bermain secara kumpulan tanpa memilih-milih kawan berasaskan suku kaum, perlulah diperkuatkan.

4. Di sinilah letaknya peranan kita orang-orang dewasa, sama ada sebagai ibu bapa, guru, atau ahli-ahli keluarga yang dewasa, yang mempunyai hubungan rapat dengan pelajar-pelajar dalam kehidupan harian mereka. Ini bermakna kita mempunyai pengaruh yang besar terhadap pembentukan sikap dan pemikiran anak-anak kita itu. Sama ada anak-anak kita itu akan menjadi orang yang mempunyai perasaan timbangrasa, muhibbah dan persahabatan terhadap rakan sedarjah dari kaum lain atau menjadi orang yang curiga dan syak wasangka terhadap murid lain, bergantung kepada asuhan dan didikan orang-orang yang dia hormati, orang-orang yang diharapkan boleh memberi panduan dan nasihat kepadanya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

5. Dalam masyarakat majmuk negara ini, peranan ibu bapa, guru-guru dan ahli-ahli keluarga yang dewasa, amat penting bagi menentukan pertumbuhan sifat-sifat positif sekiranya kita mahu melihat anak-anak kita berinteraksi sesama mereka dalam sesuatu persahabatan yang mesra. Pertumbuhan sifat yang baik inilah yang akan menjamin keselamatan masa depan negara ini daripada bencana perkauman.

6. Memandang bahawa projek anak angkat integrasi yang melibatkan pelajar-pelajar ini didapati telah dapat membantu memupuk semangat persahabatan dan persefahaman di kalangan para peserta dari berbagai kaum dan wilayah dalam negara ini, sukalah saya syorkan supaya projek seperti ini dianjurkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru di semua

sekolah di negara ini. Saya percaya PIBG tiap-tiap sekolah dapat melaksanakan projek anak angkat ini dengan lebih mudah bagi melibatkan lebih ramai pelajar-pelajar kita di seluruh negara. Dengan cara ini, maka PIBG akan dapat memenuhi tanggungjawab bagi membentuk masyarakat yang muhibbah di kawasan masing-masing.

7. Akhir sekali, saya amatlah gembira dapat bertemu dengan para pelajar dari Sabah dan Sarawak dalam majlis ini. Saya berharap anak-anak sekalian dapat betul-betul bermesra dengan keluarga angkat masing-masing. Saya percaya, jika dilihat daripada wajah mereka yang berseri-seri, bahawa ibu bapa angkat yang ada di dewan ini turut berasa gembira kerana mendapat anak-anak angkat yang manis-manis belaka.

8. Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Projek Anak Angkat Integrasi Kebangsaan 4/85 ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

\*\*\*\*\*